

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 17 April 2016 16:54
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Madya Dr. Haim Hilman bin Abdullah
Subject: IPQ Anjur Program Latihan Eksekutif



Institut Pengurusan Kualiti
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia



17 APRIL 2016/ 9 REJAB 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

IPQ ANJUR PROGRAM LATIHAN EKSEKUTIF - *Practical Risk Management and ISO 31000:2009*



IPQ ONLINE: 14 April 2016 (Khamis), Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) julung kalinya menganjurkan Program Latihan Eksekutif “ *Practical Risk Management and ISO 31000:2009*” di Georgetown City Hotel, Pulau Pinang. Seramai 20 peserta dari sektor kerajaan dan swasta telah menghadiri program latihan eksekutif ini.

Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang konsep pengurusan risiko dan pengaplikasian ISO 31000:2009 untuk membina sesebuah organisasi yang mantap bagi membantu menguruskan risiko dalam organisasi dengan cekap.

Program satu hari ini dikendalikan oleh Prof Dr Haji Mohd Rasid Hussin, Profesor Pengurusan Risiko, Universiti Utara Malaysia dan juga Presiden *International Institute of Risk Management and Crisis Strategies* (IIRMACS). Beliau telah menerangkan maksud risiko, kepentingan dan rangka kerja pengurusan risiko serta komplikasi sesebuah organisasi dalam konteks globalisasi kini. Beliau juga turut memberi pendedahan tentang ISO 31000:2009 dan tatacara pengaplikasian.

“Program latihan eksekutif ini banyak memberi input kepada saya. Pemahaman terhadap pengurusan risiko dan ISO 31000:2009 amat penting untuk menjalankan tugas saya di syarikat tempat saya berkhidmat” ujar Cik Rosni Suib, IMS Executive, Global E-Technic Sdn. Bhd., Perlis Power Plant yang merupakan salah seorang daripada peserta program ini.

IPQ mengucapkan ribuan terima kasih kepada Prof Dr Haji Mohd Rasid Hussin, para peserta dan semua pihak yang membantu untuk menjayakan program latihan eksekutif ini. Program Latihan Eksekutif IPQ berikutnya ialah Transisi ISO9001: 2008 kepada 2015 yang akan diadakan pada 26 Mei 2016.

=====

**INSTITUT PENGURUSAN KUALITI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK,
KEDAH DARUL AMAN**

**FOCUS. ACCURATE. SHARP. TIMELY
IPQ DRIVES UUM'S ENDLESS POTENTIALS**

TEL. : 04 - 928 4675
FAKS : 04 - 928 4660
E-MEL : ipq@uum.edu.my

<http://ipq.uum.edu.my>

